

0717

U B901 AAB
RAZALEIGH R'R'R'

KUALA LUMPUR, 17 NOV (BERNAMA) -- PRESIDEN PARTI SEMANGAT 46 TENGKU RAZALEIGH HAMZAH HARI INI MENYATAKAN KESEDIAANNYA MENEMUI PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD UNTUK MEMBINCANG SOAL PERPADUAN MELAYU.

KATANYA BELIAU MENYAMBUUT BAIK CADANGAN BÉKAS PERDANA MENTERI TUNKU ABDUL RAHMAN SUPAYA BELIAU MENEMUI DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA PRESIDEN UMNO.

+SAYA BERSEDIA UNTUK BERJUMPA DENGAN PERDANA MENTERI BAGI MEMBINCANG PERKARA-PERKARA YANG BOLEH MENGUKUHKAN PERPADUAN ORANG MELAYU,+ KATA TENGKU RAZALEIGH PADA PERSIDANGAN AKHBAR DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUALA LUMPUR.

KATANYA BELIAU JUGA TIDAK MENGENAKAN SEBARANG SYARAT BAGI PERTEMUAN ITU.

TENGKU RAZALEIGH BERKATA BELIAU AKAN MENGHADIRI PERTEMUAN ITU DENGAN FIKIRAN TERBUKA.

DATUK SERI DR MAHATHIR DUA HARI LEPAS TELAH PUN MENGULANGI KESANGGUPANNYA UNTUK MENEMUI TENGKU RAZALEIGH.

PERDANA MENTERI BERKATA SEBELUM INI PUN BELIAU BERSEDIA MENEMUI TENGKU RAZALEIGH PADA BILA-BILA MASA.

DALAM PERJUMPAANNYA DENGAN DATUK SERI DR MAHATHIR SABTU LEPAS, TUNKU ABDUL RAHMAN MENCADANGKAN SUPAYA PERTEMUAN ITU DIADAKAN UNTUK Mencari jalan menyelesaikan masalah perpaduan Melayu. -- BERNAMA
1335MST 17 11 89